

Pelajar pascasiswazah sambut baik keputusan kerajaan

Kuala Lumpur: Persatuan pelajar mahu supaya kerajaan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) dan mekanisma yang jelas berhubung kebenaran kepada pelajar pascasiswazah untuk kembali ke kampus bagi menjalankan penyelidikan masing-masing.

Langkah itu bertujuan memastikan rantai jangkitan COVID-19 dapat diputuskan dan dalam masa yang mengurangkan risiko wujudnya kluster baharu di kampus.

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang juga pelajar pascasiswazah, Atiqah Che Ismail, berkata dalam memastikan segala urusan berjalan lancar, barisan MPP sentiasa menyambut baik segala arahan yang diberikan oleh kerajaan dan bersedia untuk berkhidmat serta membantu pihak universiti bagi menjayakan usaha berkenaan.

"Pada masa yang sama, saya berharap pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga tidak terlepas pandang dengan nasib dan hala tuju pelajar pascasiswazah yang bertugas sebagai pendidik berikutan pro-



Atiqah Che Ismail

ses pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak dapat dilaksanakan ketika ini kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tidak dinafikan, kebanyakan pelajar pascasiswazah mempunyai kes dan situasi mereka yang tersendiri tetapi jika ada arahan dan aturan yang lebih jelas daripada pihak kerajaan selari dengan pihak pentadbiran universiti, maka sudah pasti banyak perkara yang dapat diselesaikan secara bersama,



Yaganes Sukamaran

sesuai dengan kehendak mahasiswa yang sedang menuntut di setiap universiti di tanah air ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pascasiswazah, MPP Universiti Sains Malaysia (USM), Yaganes Sukamaran, berkata berikutan kebenaran yang diberikan kerajaan itu, kebanyakan pelajar pascasiswazah universiti berkenaan sudah membuat permohonan untuk kembali ke kampus dan meneruskan penyelidikan masing-masing.

Katanya, MPP USM menyo-



Pelajar pascasiswazah perlu menggunakan kemudahan makmal di universiti untuk menjalankan kajian atau penyelidikan mereka.

kong sepenuhnya keputusan yang dibuat kerajaan itu kerana pelajar pascasiswazah terutama bagi mereka yang mengikuti pengajian mod penyelidikan dan tidak mampu menjalankan kajian atau penyelidikan sekiranya tidak menggunakan kemudahan yang ada di makmal universiti.

"Penyelidikan yang tergendala dek kerana pelaksanaan PKP itu menyukarkan mereka untuk menyiapkan tesis serta menamatkan pengajian pada tempoh yang dijangkakan, selain pene-

tapan PKP menyebabkan aktiviti akademik mereka tergendala dan perlu masih membayar yuran pengajian yang sama sebelum ini.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana mengurangkan kegusaran kami dan berharap peluang ini digunakan sebaik mungkin oleh pelajar pascasiswazah dengan mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan dan universiti serta mengamalkan penjarakan sosial apabila kembali ke kampus dan makmal kelak," katanya.